

23/07/1997

Isu pengkorporatan IPT konflik dua budaya

SETELAH sekian lama akhirnya Kabinet meluluskan pengkorporatan Universiti Malaya pada 1 Januari 1998. Sebelum itu lagi, teman-teman lama di UM memberitahu sebenarnya beberapa langkah yang dikaitkan dengan pengkorporatan universiti itu sudahpun dilaksanakan sejak Mac lalu, seperti pembentukan Senat baru, Majlis Pengurusan baru, kursus pengurusan bagi ketua jabatan yang juga diminta membuat pelbagai unjuran kegiatan jabatan mereka dalam keadaan UM dikorporatkan.

Apa yang disebut oleh teman-teman lama itu disahkan oleh Prof Osman Bakar, orang kedua dalam hirarki UM, bahawa sebenarnya UM telah dikorporatkan sejak 1 Mac dulu (BH 7/7/97). Cuma soal gaji dan hal-hal bersangkutan perjawatan yang belum dilaksanakan, iaitu menunggu tarikh seperti yang diluluskan oleh Kabinet. Menurut pentadbiran UM perincian mengenai hal ini belum lagi diterima daripada Kementerian Pendidikan, tetapi perbincangan kononnya telah beberapa kali diadakan dengan pihak kakitangan, baik akademik mahupun kumpulan sokongan.

Isu pengkorporatan adalah lebih jauh daripada soal gaji pensyarah, dan apabila perkara ini ditonjolkan seolah-olah perkara utama, maka reaksi golongan pensyarah seperti pada judul 'Kami bukan mata duitan' (Utusan Malaysia, 30 Jun 1997) sangat jitu. Walaupun bilangan meninggalkan universiti ramai dan menimbulkan kebimbangan pada tempat-tempatnya, yang masih meneruskan karyanya seperti profesor dan pensyarah perubatan dan kejuruteraan dengan tarikan luar jauh lebih lumayan, menunjukkan bagi pensyarah soal gaji bukanlah soal utama. Kalaulah gaji perkiraan mereka, sudah lama mereka berhijrah.

Apa yang dikatakan oleh Dr Wan Mokhtar (UM, 30 Jun 1997) patut diambil perhatian dalam mengemukakan syarat-syarat perkhidmatan oleh universiti-universiti, yang kalau menurut hebahan-hebahan setakat ini, universiti-universiti mempunyai kebebasan sepenuhnya di bawah pengkorporatan untuk mencorakkan syarat perkhidmatan (termasuk gaji) kakitangannya.

Implikasinya, bagi ahli akademik, apabila mereka memasuki perkhidmatan universiti dahulu, tentulah mereka mempunyai persepsi serta disokong nilai-nilai tertentu hingga sanggup menghabiskan masa yang lama untuk mengejar ilmu. Tidak cukup dengan sarjana, ataupun Doktor Falsafah, mereka terus menjalankan penyelidikan dan mengikuti kursus diploma seperti bahasa asing dan lain-lain.

Seperti kata Dr Wan Mokhtar: "Perkara yang paling utama...ialah tradisi keilmuan... Apa yang penting ialah pembudayaan ilmu...". Pada pengalaman saya, seorang yang hendak menjadi sarjana, ataupun pensyarah di universiti, ia didorong pertamanya oleh cintanya pada bidang ilmu diceburinya. Sebab itu ada sarjana yang cuma arif dalam bidangnya, seperti kata seorang teman, "Dia taksub dengan bidangnya, noktah!". Tetapi tradisi kesarjanaan di universiti juga menuntut seorang sarjana itu sebagai cendekiawan atau intellectual.

Maka itu adillah jika pengkorporatan mengambil kira perkara ini, kerana mereka telah berada di universiti sebelum lagi dikorporatkan. Lain ceritanya jika seorang itu baru hendak berkhidmat dengan universiti yang dikorporatkan. Mungkin sebagai anak generasi baru zaman penswastaan masyarakat, persepsinya terhadap universiti lebih cocok dengan nilai baru masyarakat yang mendahulukan soal wang dan kekayaan, bukan ilmu. Seorang teman yang dulunya adalah anak Melayu pertama menyandang gelaran profesor di Jabatan Fizik, UM, pernah mengatakan jika nilai niaga diserapkan kepada

universiti, lebih baik ia berniaga sendiri. Sekarang ini beliau memperkotakan katanya dengan meninggalkan UM dan menyertai syarikat perniagaan.

Kenyataan Datuk Najib bahawa pengkorporatan UM bukanlah untuk mencari keuntungan memang dialu-alukan, kerana persepsi umum setakat ini memang apabila universiti dikorporatkan, ia tidak lagi bergantung kepada dana kerajaan. Salah satu sebab kenapa penuntut mencurigai pengkorporatan kerana pada awal lagi kenaikan yuran telah dibayangkan sebagai mengganti geran kerajaan.

Prof Osman yakin selepas dikorporatkan, 'Tidak mungkin kerajaan kurangkan (bantuan) di bawah 70 peratus' (BH, 7.7.97). Dengan perbelanjaan universiti begitu tinggi, dan memikirkan pendidikan tinggi adalah tanggungjawab sosial serta menyedari kerajaan terpaksa mengawal penuntut dan pensyarah daripada menjadi ancaman politik kepada kerajaan, maka geran setakat 70 peratus itu wajar dan patut.

Tetapi janganlah pula kita berbalik kepada keadaan lama. Dahulu rasional kenapa Kementerian Pendidikan, Bendahari atau JPA mengawal perjalanan dan peruntukan universiti ialah kerana dana itu disalurkan menerusinya. Walhal dalam konsep yang diketengahkan oleh PM sendiri, iaitu 'Malaysia Incorporated', sepatutnya tidak timbul soal ini. Penyaluran wang dan peruntukan cuma sesuatu yang teknikal, tetapi perbelanjaan pada akhirnya untuk pembangunan dan kebaikan negara keseluruhannya.

Seperti kata Prof Osman, matlamat dan konsep pengkorporatan pertamanya, "... mengatasi masalah pengaliran keluar kepakaran, keduanya mendapat autonomi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari segi perkhidmatan dan kewangan kerana banyak kongkongan..." (BH, 7/7/97). Memang, dua perkara ini, sejak lama dulu lagi menjadi masalah di UM, dan telah disuarakan pimpinan-pimpinannya waktu itu. Tetapi apabila idea pengkorporatan universiti mula dizahirkan, jelas kelihatan agenda tersirat melaksanakannya sebenarnya lebih daripada itu.

Sesetengah pihak melihatnya sebagai proses menuju pengswastaan seperti yang dilakukan kepada perkhidmatan kerajaan seperti LLN (TNB), Telekom atau Pos. Ada pula yang khuatir bahawa sesuai dengan iklim pembangunan negara, nilai niaga dalam pengendalian pendidikan tinggi akan menghakis tradisi keserjanaan yang menjadi tradisi universiti awam di negara ini. Menteri Pendidikan sendiri melihatnya sebagai langkah menempatkan pendidikan tinggi di negara ini menjadi pusat kecemerlangan ilmu yang akan menarik penuntut luar dan mendatangkan pendapatan bagi negara.

Bagi saya jika pengkorporatan dapat memberi kebebasan kepada universiti untuk membangun sebagai pusat kecemerlangan ilmu bagi membina tamadun manusia yang luhur dan tidak diarah oleh nilai niaga semata, ia adalah sesuatu yang ideal. Tetapi jika ia mengarah kepada pengswastaan akhirnya, ia tidak akan mendatangkan kebajikan kepada rakyat.

Mungkin ingatan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik baru-baru ini mengenai akibat pengswastaan patut diambil perhatian. Menurut Dr Lim, "...the fear among the poor (is) that they will not have access to higher education and good quality medical services after the universities and hospitals are corporatised" (Sun, 7.7.97).

Berdasarkan banyaknya liputan akhbar perjalanan ke arah pengkorporatan UM selanjutnya tahun depan belum lagi licin seperti yang dijangkakan walaupun prasarana melaksanakannya sudahpun berada di tempatnya. Sebenarnya jika hendak dikatakan UM sudah dikorporatkan seperti menurut Prof Osman, pun boleh juga, tetapi UM akan dikatakan bertindak secara bureaucratic authoritarianism. Dan bagi budaya akademik di universiti, ini adalah asing, tetapi mungkin tidak kepada dunia birokrasi kerajaan atau badan korporat.

Barangkali, faktor inilah punca segala kekusutan yang ketara pada ruang-

ruang akhbar dan televisyen kita, pihak pentadbiran UM, termasuk Kementerian Pendidikan, pada sebelah pihak, dan ahli akademik yang tidak terhad di UM sahaja, pada pihak yang lain.

Sudah menjadi tradisi ahli akademik menggalakkan perbincangan. Melaluinya terdapat penerimaan pertukaran pendapat. Penerimaan hujah orang lain walaupun tidak secocok dengan pendirian sendiri, pemikiran rasional dan objektif terhadap satu-satu isu, dan pemberatan bukti-bukti empiri dengan tidak semestinya menolak bukti metafizika dan banyak lagi.

Budaya inilah yang bertembung dengan kebiasaan birokrasi yang lebih mementingkan hirarki kuasa dan tanggungjawab. Contoh yang ekstrim ialah dunia ketenteraan, daripada Lans Koperal kepada Jeneral.

Boleh dikatakan konflik budaya ini antara tradisi yang tanda dirinya "Saya yang menurut perintah" (your obedient servant), atau budaya korporat, "boss selalu betul" (boss is always right), dengan budaya dunia akademik, "bebas berfikir tetapi berdisiplin" dan "selalu mencari kebenaran".

Perbezaan budaya ini juga dicerminkan oleh perubahan kepada struktur komuniti kesarjanaan seperti diajukan oleh pengkorporatan. Pertambahan 'pangkat' bagi perjawatan pensyarah seolah-olah meniru rantai pemerintahan (chain of command) dalam tentera atau tangga birokrasi. Gagasan gaji Kabinet dalam kebijaksanaannya dulu mengurangkan hirarki sarjana bagi keperluan perjawatan di universiti kepada tiga saja: pensyarah, profesor madya dan profesor.

Ukuran kesarjanaan seorang ahli akademik terletak kepada kemampuannya terhadap ilmunya, dan pencapaian ilmu tidak mungkin disukat bertanggatanga kecuali dikira secara kuantiti berapa buku atau makalah ditulisnya. Tetapi yang penting bukan bilangan tetapi mutunya. Berdasarkan mutu ilmiah inilah maka penggredan kepada tiga tahap keilmuan sarjana sahaja difikirkan wajar. Timbulnya masalah ketika itu ialah bilangan bagi satu-satu gred itu dihadkan, mengikut kebiasaan birokrasi. Terdapatlah mereka yang sepatutnya sudah profesor tinggal profesor madya beberapa lama kerana tidak ada perjawatan yang diluluskan JPA.

Dalam dunia ketenteraan leluconnya ialah 'Jeneral melebihi prebet', tetapi dalam dunia akademik lebih banyak profesor yang benar-benar berwibawa dalam bidangnya daripada pensyarah biasa, lebih tinggi mutu universiti itu.

(END)